

INTELEKTUAL

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Islam Malaysia

KUIM.HEP. BIL 2 / 2004

MAHRAJAN KERJAYA 2004

Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti

Mahrajan Kerjaya 2004 telah berjaya diadakan pada 14 hingga 16 Januari 2004. Ia merupakan program kedua yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Pembimbing Rakan Universiti (PRU). Program ini telah menarik minat beberapa agensi Kerajaan dan swasta serta beberapa syarikat untuk turut serta dalam pameran yang diadakan di Tingkat 11, Menara B, KUIM.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Rahman yang merupakan Pengarah Urusan, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Selama program ini berlangsung, beberapa aktiviti turut diadakan, antaranya ialah Bengkel Resume, Career Talk Series, Bengkel Temuduga, Bengkel imej dan Personaliti, Seminar Kerjaya dan Pameran Kerjaya.

Antara Yang Menarik:

- Festival Busana Islam MAKUM
- MPP Sebagai Role Model Kepada Pelajar : Nisar
- MPPKUIM Anjur Misi Kemanusiaan Ke Kemboja (HUMCAM 2004)
- Program Motivasi Pembinaan Pasukan Urusetia Mahrajan Kerjaya 2004
- Klinik Kaunseling
- Program Diskusi Ilmiah: "Kepimpinan Mahasiswa Apa Relevannya?"
- Majlis Grand Dinner D'Penara Meriah Dengan Konsep "Malam Tradisional"
- Bijak Bahagi Masa Resepi Kejayaan Tokoh Sukan KUIM 2003
- Kajian Analisis MUET Mahasiswa Tahun Akhir KUIM Sesi 2003/2004
- Galeri HEP

Pelbagai agensi telah mengambil bahagian dalam pameran kerjaya. Antaranya ialah Bomba dan Penyelamat Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR), Technology Park Malaysia (TPM), Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan banyak lagi. Sambutan daripada pelajar dan kakitangan KUIM serta jemputan luar pula adalah menggalakkan pada program kali ini. Pihak penganjur juga telah menyediakan pelbagai aktiviti istimewa seperti cabutan bertuah dan kehadiran pelukis kartun terkenal iaitu Ubi bagi menarik perhatian pengunjung ke pameran ini. Tayangan video daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat juga telah berjaya menarik minat pengunjung di mana ia memaparkan tugas dan pengalaman ahli bomba berhadapan dengan pelbagai kes-kes kecemasan dan kemalangan.



Sementara itu Seminar Kerjaya pula diadakan pada 17 Januari 2004, bertempat di Auditorium MPAJ. Seramai 270 orang pelajar KUIM telah menyertai seminar tersebut dan kebanyakannya daripada mereka terdiri daripada pelajar tahun akhir. Pelbagai topik menarik telah dibincangkan oleh para penceramah jemputan. Ia mencakupi tajuk *Kenali Diri dan Kecenderungan Kerjaya Melalui Ujian Personaliti, Mahasiswa Pengajian Islam Dalam Pencarian Kerjaya Masa Kini: Halatuju dan Peluang, Kemahiran dan Cabaran Temuduga serta Forum Jejak-jejak Kerjaya*. Selain itu Bengkel Keterampilan Imej dan Personaliti pada 20 Januari 2004 juga telah menarik perhatian ramai pelajar dan kakitangan KUIM untuk turut serta. Ia dikendalikan oleh pakar perunding imej terkenal, Norma Norell yang telah memberi tunjuk ajar dan tips berguna tentang pembinaan keterampilan diri dari segi pemakaian, personaliti atau kemahiran-kemahiran komunikasi yang sesuai dalam situasi atau majlis-majlis tertentu. Taklimat Kerjaya juga telah diadakan khusus untuk memberi maklumat mengenai peluang-peluang kerjaya di pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Para pelajar tahun akhir yang tamat pengajian pada April 2004.

Sementara itu Seminar Kerjaya pula diadakan pada 17 Januari 2004, bertempat di Auditorium MPAJ. Seramai 270 orang pelajar KUIM telah menyertai seminar tersebut dan kebanyakannya daripada mereka terdiri daripada pelajar tahun akhir. Pelbagai topik menarik telah dibincangkan oleh para penceramah jemputan. Ia mencakupi tajuk *Kenali Diri dan Kecenderungan Kerjaya Melalui Ujian Personaliti, Mahasiswa Pengajian Islam Dalam Pencarian Kerjaya Masa Kini: Halatuju dan Peluang, Kemahiran dan Cabaran Temuduga serta Forum Jejak-jejak Kerjaya*. Selain itu Bengkel Keterampilan Imej dan Personaliti pada 20 Januari 2004 juga telah menarik perhatian ramai pelajar dan kakitangan KUIM untuk turut serta. Ia dikendalikan oleh pakar perunding imej terkenal, Norma Norell yang telah memberi tunjuk ajar dan tips berguna tentang pembinaan keterampilan diri dari segi pemakaian, personaliti atau kemahiran-kemahiran komunikasi yang sesuai dalam situasi atau majlis-majlis tertentu. Taklimat Kerjaya juga telah diadakan khusus untuk memberi maklumat mengenai peluang-peluang kerjaya di pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Para pelajar tahun akhir yang tamat pengajian pada April 2004.



Sekapur Sireh



- TIMBALAN REKTOR HEP -
&
- PEMBANGUNAN -

Setelah beroperasi selama 4 tahun, kini KUIM semakin melebarkan sayapnya di arena pendidikan selaras dengan Dasar Pendidikan Negara. Masyarakat semua harus menerima dengan penuh yakin bahawa mahasiswa hari ini mempunyai banyak idea dan gagasan. Kehendak dan keperluan mahasiswa sebagai aset utama universiti perlu diberi perhatian khusus dan kebajikan mereka perlu dijaga.



Dalam usaha mahasiswa dilabelkan sebagai tenaga penggerak dan pewaris negara, tugas mencorak dan membimbing mahasiswa tidak harus dipandang enteng. Tugas ini tidak semata dipikul oleh kakitangan universiti malah masyarakat sekeliling turut memainkan peranan. Cabaran tugas yang ditanggung oleh HEP semakin mendesak untuk bergerak pantas dalam sebarang tindakan. Penghasilan mahasiswa berkualiti adalah menjadi hasrat dan impian sesebuah universiti. **"Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti"** adalah gambaran situasi kelahiran siswazah yang benar-benar diperlukan selari dengan arus pembangunan negara yang kian menghambat peluang profesional diisi oleh graduan tempatan.

Gejala sosial yang kian mendekati mahasiswa universiti dewasa ini harus ditangani secara bijak dengan menjadikan ianya sempadan yang tidak wajar untuk dipintasi oleh warga kampus. Harus disedari dan peka bahawa gejala ini bukan bersifat sementara dan akan memudaratkan generasi jika ianya gagal ditangani.

Suasana hubungan baik antara mahasiswa dan HEP adalah nadi yang perlu diikat seutuhnya. Ini kerana keruntuhan sesebuah komuniti adalah punca ketidakkemampuan pentadbiran organisasi. Pemantapan organisasi adalah cerminan kepada mahasiswa sebagai pelanggan utama HEP. Kerjasama yang dihulurkan oleh semua pihak amat penting untuk kita menjadi sebuah komuniti yang aman, cekap dan gemilang.

Semoga lembaran 2004 ini akan memberi tambahan semangat kepada seluruh warga HEP untuk terus berkhidmat dengan jujur, cemerlang dan sentiasa berusaha meningkatkan sumbangan kepada masyarakat pelajar, universiti, negara dan dunia sejagat.

PROF. DR. MOHAMMAD HAJI ALIAS
Timbalan Rektor HEP Dan Pembangunan



Segugus Bicara



- TIMBALAN PENDAFTAR HEP -

Tahun 2004 merupakan tahun kelima 'kelahiran' KUIM sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pelbagai Fakulti dan program baru telah diwujudkan. Ini bermakna bilangan pelajar akan bertambah pada setiap sesi pengambilan baru. Justeru itu, peranan dan tanggungjawab HEP menjadi semakin besar.

Sebagai tempat rujukan pertama, HEP perlu mempamerkan citra yang tinggi khususnya dalam menjadi role model kepada para pelajar. Dengan bertunjangan motto **"HEP MENGEPALAI KECEMERLANGAN"**, segala pengurusan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelajar haruslah mempunyai wawasan dan matlamat yang satu, iaitu memastikan para pelajar merasa puas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan wujud sifat yakin serta percaya pelajar kepada ketelusan pengurusan HEP.

Disamping itu, dalam usaha melahirkan pelajar yang kaya dengan **'hard skill'** dan **'soft skill'**, HEP giat merangka pelbagai program pelajar yang mempunyai paduan aspek

akademik, kepimpinan, rohani dan jasmani. Ia penting sebagai persediaan sebelum mereka mengharungi realiti alam kerjaya kelak. Kini, KUIM mempunyai graduan yang telah pun tamat pengajian dan dalam proses pencarian kerjaya. Pembinaan kualiti diri pelajar tidak harus dipandang mudah kerana ia menggambarkan kualiti 'kelahiran' KUIM secara keseluruhan. Justeru, gabungan ciri **'hard skill'** dan **'soft skill'** itu amat penting kerana ia merupakan aspek yang dinilai dalam dunia kerjaya. Oleh yang demikian, bagi mencapai hasrat **"KECEMERLANGAN DIHAYATI, GRADUAN BERKUALITI"**, semua pihak sama ada pengurusan universiti mahupun pelajar sendiri harus berganding bahu dalam mempertingkatkan pencapaian akademik dan pelbagai kemahiran sendiri yang boleh membantu ke arah pembinaan kualiti diri pelajar dan pencarian kerjaya.

MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI
Timbalan Pendaftar HEP

SIDANG REDAKSI INTELEKTUAL

Penaung :

Y. Bhg. Prof. Dato
Dr. Abdul Shukor Hj Husin
Rektor

Penasihat :

Y. Bhg. Prof.
Dr. Mohammad Bin Haji Alias
Timbalan Rektor HEP
& Pembangunan

Ketua Editor :

Muhammad Haizuan Rozali
Timbalan Pendaftar HEP

Editor :

Nurhazreen Mohd Nor

Sidang Pengarang :

Masni Md Hasim
Rozihani Mohamad
Sufaiman Hassan
Azlin Mahmud
Azleen Abd. Aziz

Jurugambar :

Ramzi Sulaiman
Abdul Ghafar Rabu

Diterbitkan Oleh :

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Kolej Universiti Islam Malaysia
Tingkat 13, Menara A, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur

Tel : 03-42892091/2092
Fax : 03-42892108

Rekabentuk & Cetak :

Nohaz Cetak Sdn. Bhd
No.82, Jalan Batu Arang,
Kaw. Perindustrian Kecil Sg. Bakau,
48000 Rawang, Selangor.

Tel: 03-60931353, 60912755
Fax : 03-60912755

Personaliti HEP kali ini

Tuan Haji Mazlan bin Nawang
Penolong Pendaftar
Unit Perhubungan dan Kebudayaan
Pelajar
Kolej Universiti Islam Malaysia



Tuan Haji Mazlan bin Nawang dilahirkan dan dibesarkan di Terengganu. Beliau merupakan anak kelima daripada 10 orang adik beradik iaitu 6 lelaki dan 4 perempuan. Selepas mendapat kelulusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau mendapat peluang menyambung pelajaran di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Sains Pertanian dengan memperolehi diploma dan ijazah dalam bidang tersebut. Beliau mula bekerja di sektor swasta di bahagian Latihan Pentadbiran dan Pendidikan selama 11 tahun dan sebagai Pegawai Hal Ehwal Pelajar di Institut Professional Baitulmal selama 2 tahun. Kemudian beliau mendapat peluang untuk berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Unit Perhubungan dan Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) bermula 1 April 2002.

Peranan beliau dalam Unit ini adalah untuk membantu Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam mengurus, menyelaras, serta memantau perkembangan aktiviti, perhubungan dan sahsiah pelajar. Menurut beliau, peranan Unit ini adalah untuk:

- 1) Memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam sebarang aktiviti dan program pelajar.
- 2) Memberi kelulusan kepada program dan aktiviti anjuran persatuan pelajar.
- 3) Mengadakan program bimbingan dan latihan terutamanya dalam aspek kepimpinan kepada pemimpin-pemimpin pelajar.
- 4) Menyelaras urusan berkaitan tata tertib pelajar.
- 5) Mengurus dan menyelaras semua perkara berkaitan persatuan dan badan-badan pelajar seperti yang tercatat dalam Seksyen 48 dan 49 AUKU serta Statut Badan Pelajar (sementara) KUIM.
- 6) Memantau dan menyelaras pergerakan MPP, Kelab Debat, Sekretrariat Rakan Muda dan Kelab Perpaduan.

Tambahnya lagi, Unit ini menggalakkan supaya pelajar aktif dalam persatuan di samping tumpuan dalam bidang akademik kerana baginya pelajar bukan sahaja harus memiliki '*hard skill*' tetapi juga '*soft skill*' yang akan membantu mereka ke arah pengurusan kepimpinan diri, organisasi dan program. Misi dan visi unit ini adalah untuk melahirkan mahasiswa yang berketerampilan, serba boleh dan bukan sahaja mempunyai kecemerlangan dalam bidang akademik tetapi juga membentuk pelajar menjadi seorang individu yang '*multi skill*' dan dinamik melalui pelbagai program yang dianjurkan.

Akhir sekali, beliau berharap agar Unit Perhubungan dan Kebudayaan akan menjadi tempat rujukan bagi pelajar-pelajar yang ingin berurusan dan mendapatkan sebarang maklumat mengenai prosedur pengurusan aktiviti dan program-program latihan. Beliau juga amat menggalakkan penglibatan para pelajar dalam pelbagai aktiviti dan program sama ada anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar ataupun persatuan-persatuan pelajar kerana melaluinya para pelajar berpeluang mempelajari selok belok pengurusan sendiri dan organisasi serta mempertingkatkan kemahiran kepimpinan dan sosial dalam menjayakan sesuatu program. Baginya, walaupun KUIM masih dilihat sebagai sebuah universiti baru, ia bukanlah penghalang bagi para pelajar khususnya dalam mempertunjukkan kredibiliti sebagai seorang mahasiswa dan pemimpin pelajar yang intelek, bertakwa, berdaya saing dan dinamik dalam segala bidang ilmu yang diterokai sama ada di peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa.

UNIT PERHUBUNGAN & KEBUDAYAAN

KURSUS LATIHAN DAN KEPIMPINAN MPP & BADAN PELAJAR KUIM

Satu Kursus Latihan dan Kepimpinan MPP & Badan Pelajar KUIM telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar pada 4 hingga 6 November 2003 bertempat di Pusat Latihan BSN, Bangi. Seramai 30 orang pelajar yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar KUIM (MPP), pengerusi dan setiausaha kelab dan badan-badan pelajar telah mengikuti program tersebut. Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah berjalan dengan lancar walaupun diadakan dalam keadaan berpuasa di bulan Ramadhan.

Dalam kursus tersebut, para pemimpin pelajar telah didedahkan dengan pelbagai maklumat baru mengenai pengurusan organisasi dan kepimpinan. Antara aspek yang diberi pendedahan ialah prosedur permohonan aktiviti pelajar, teknik penyediaan kertas kerja, laporan program, minit mesyuarat, surat-menyurat, sistem fail dan pengurusan etiket & protokol dalam mengendalikan majlis-majlis formal. Selain itu, dalam sesi simulasi pula, para peserta telah diuji melalui cara-cara pengendalian mesyuarat dan majlis formal bagi sesuatu program.



*Encik Muhammad Haizuan Rozali,
Timbalan Pendaftar HEP ketika
mengendalikan slot Resolusi Kursus.*

■ dari muka depan

Program selama tiga hari ini telah berakhir pada 16 Januari 2004 dan Majlis Penutupnya telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIM. Dalam ucapannya, beliau menyarankan bahawa para graduan perlu mempertingkatkan usaha meneroka bidang-bidang kerjaya di sektor swasta. Melihat kepada senario penguncupan saiz sektor awam, bermakna keupayaan sektor itu untuk menyerap pertambahan graduan menjadi terhad. Justeru, mereka perlu berusaha sedaya upaya untuk meneroka bidang-bidang kerjaya yang lain yang lebih mendapat tawaran tinggi di pasaran pekerjaan masa kini.

Mahrajan Kerjaya 2004 kali ini telah memberi impak yang positif kepada pelajar KUIM dalam memilih dan menilai peluang kerjaya pada masa hadapan. Ia juga memberi peluang kepada mereka bersua muka dengan agensi-agensi tertentu dengan lebih dekat di



Para peserta kursus bergambar bersama Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan dan pegawai-pegawai HEP yang lain.



Para peserta kursus mengadakan gerak kerja dan perbincangan dalam kumpulan.

Kursus Latihan ini merupakan satu siri latihan yang harus dilalui oleh setiap Ahli Jawatankuasa MPP dan wakil dari badan-badan pelajar yang lain yang baru dilantik. Mereka perlu diberi pendedahan awal tentang pengurusan persatuan serta peranan mereka dalam mengendalikan sesuatu program. Selain itu, mereka juga berpeluang mengikuti ceramah kepimpinan daripada tokoh-tokoh pemimpin yang diundang khas bagi membuka minda tentang dunia kepemimpinan Islam sebagai teladan dari aplikasi dalam memikul tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar.

samping mendapat maklumat-maklumat terkini mengenai peluang kerjaya di agensi-agensi tersebut. Pelajar juga dapat menimba pengalaman di samping mengetahui teknik-teknik atau cara menghadapi temuduga dan penulisan resume. Ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk menghadiri temuduga terbuka yang diadakan di KUIM.

Mahrajan Kerjaya merupakan program tahunan Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah yang dirancang khas bagi memberi maklumat mengenai dunia kerjaya kepada para pelajar. Melihat kepada kepentingan persediaan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar, Unit ini mengambil langkah proaktif menjemput pihak-pihak berkenaan dari pelbagai agensi bagi menerangkan tentang peluang-peluang kerjaya yang boleh diceburi masa kini. Selain Mahrajan Kerjaya, Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah juga sedang dalam perancangan untuk mengadakan lebih banyak lagi bengkel dan seminar kerjaya mahupun mengusahakan penempatan pelajar di agensi-agensi kerajaan mahupun swasta. Secara tidak langsung, ia akan memberi manfaat kepada seluruh pelajar KUIM dalam usaha mencari pekerjaan dalam mengharungi cabaran globalisasi ini.

Festival Busana Islam MAKUM

Bersempena dengan 10 tahun penubuhan Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dengan kerjasama MAKUM telah menganjurkan program Festival Busana Islam MAKUM. Program tersebut telah diadakan pada 17 hingga 19 Oktober 2003, bertempat di Aras 2, Stesen KL Sentral bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Puan Noraini Ahmad selaku Naib Ketua Puteri UMNO Malaysia.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran, ceramah dan bengkel kecantikan, pertunjukan fesyen serta persembahan nasyid. Sebanyak 7 buah gerai pameran telah mengambil bahagian termasuk 2 buah IPTA dan selebihnya dari butik-butik pakaian. Dalam pameran tersebut, pelbagai fesyen busana Islam berkonsepkan kontemporari telah dipamer dan dijual untuk orang ramai. Antara jenis busana yang kian mendapat tempat di hati pengguna pada masa kini ialah jubah dan tudung pelbagai fesyen dan corak. Selain pameran, orang ramai juga berpeluang untuk mengikuti ceramah bertajuk "Personaliti Kegemilangan Muslimah Sejati" pada hari pertama Festival, 17 Oktober 2003. Ceramah tersebut telah dikendalikan oleh Puan Nabilah Yusof, pensyarah dari Kolej Universiti Islam Malaysia.

Selain itu, orang ramai juga telah disajikan dengan Bengkel Cantik dan Anggun yang telah dikendalikan oleh Puan Rosminah Abdul Hamid pengusaha Pusat Kecantikan Seri serta Bengkel Kecantikan dan Keterampilan Wanita yang dikendalikan oleh Puan Johana Mohd. Joha, Pengasas Mahsuri Kosmetik. Pada hari kedua juga, satu persembahan nasyid daripada Kumpulan Firdaus dan Ala-Baladi telah diadakan dan ia berjaya menarik ramai pengunjung ke festival ini. Manakala, pertunjukan fesyen busana Islam pula telah diadakan pada hari terakhir sempena Majlis Penutup Festival ini. Pelbagai jenis fesyen jubah dan tudung telah diperagakan oleh model-model yang terdiri daripada pelajar-pelajar KUIM sendiri. Peragaan busana tersebut telah ditaja oleh Butik Qarisma Collection.

Secara keseluruhannya, festival ini telah berjaya menarik ramai pengunjung untuk mencuba pelbagai fesyen terbaru busana Islam yang berada di pasaran sekarang. Selain itu, secara tidak langsung, sedikit sebanyak ia juga telah memperkenalkan KUIM sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam yang baru di Malaysia.



Y. Bhg. Puan Noraini Ahmad berucap ketika merasmikan Majlis Penutup Festival Busana Islam MAKUM.



- **Model memperagakan fesyen terkini busana muslimah pada majlis pertunjukkan fesyen ketika Majlis Penutup Festival.**

MPP Sebagai Role Model Kepada Pelajar : - NISAR -

Nisar Mohamad Ahmad berasal dari Alor Star, Kedah, berumur 23 tahun dan merupakan pelajar tahun dua Fakulti Syariah dan Undang-undang. Beliau mendapat pendidikan menengahnya di Maktab Mahmud, Alor Star seterusnya ke Ma'ahad Tahfiz Darul Quran, JAKIM. Kemudiannya melanjutkan pengajian ke Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dalam jurusan Syariah dan Undang-undang.

Menyandang tugas sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) KUIM merupakan satu tanggungjawab yang amat besar kerana ia merupakan jawatan No. 1 di kalangan pelajar. Tugas MPP bukan hanya menjaga kebajikan pelajar tetapi juga menjadi 'role model' kepada pelajar lain dalam setiap penglibatan baik dalam kegiatan aktiviti ko-kurikulum mahupun bidang akademik. Menurut beliau, kebanyakan pelajar tidak bijak membahagikan masa mereka untuk perkara-perkara tersebut. Justeru, mereka sering gagal dan tercicir dalam pelajaran. Oleh yang demikian, kebijaksanaan dalam menyeimbangkan masa dalam kedua-dua aspek tersebut adalah amat perlu bagi mengelakkan keciciran.

Seperti mana dalam ucapan dasarnya semasa menerima watikah perlantikan sebagai YDP, beliau cuba memastikan setiap pelajar melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan. Secara langsung aktiviti berpersatuan ini mampu membina keyakinan serta kemahiran sendiri para pelajar di samping menguji sifat kepimpinan mereka. Pendedahan seumpama ini merupakan dorongan dan platform kepada pelajar untuk bergiat aktif dalam berpersatuan.

Pada masa ini program yang sedang dijalankan ialah Kempen Bulan Bahasa. Penguasaan bahasa Inggeris dan Arab adalah penting sebagai mana yang telah beliau gariskan semasa ucapan dasarnya kerana ia merupakan bahasa pengantara yang digunakan di KUIM.

Beliau mengharapkan dengan adanya kempen tersebut, para pelajar amnya akan berasa lebih terbuka dan yakin untuk berinteraksi dalam kedua-dua bahasa tersebut. Program Misi Kemanusiaan Ke Kemboja pula diadakan pada 24 hingga 30 Mac 2004 dan ini merupakan program peringkat antarabangsa yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh MPP. Program yang bertemakan "Mahasiswa Prihatin, Masyarakat Sejahtera" ini adalah kesinambungan daripada deligasi lawatan MPPKUIM ke universiti-universiti di Sabah dan Sarawak, iaitu UMS dan UNIMAS sebagai usaha memperkenalkan KUIM kepada masyarakat luar. Selain itu, program lain yang turut di adakan ialah Operasi Khidmat Mahasiswa (OPKIM) yang akan diadakan di Lahad Datu, Sabah pada penghujung tahun 2004.



Nisar (duduk tiga dari kiri) bersama barisan pelajar yang baru dilantik bagi sesi 2003/2004



Nisar ketika menerima watikah perlantikan sebagai YDP MPP daripada Y.Bhg. Rektor

MPP dianggap sebagai sebuah entiti yang mewakili pelajar dan bertindak sebagai tempat rujukan terhadap pelbagai masalah kebajikan di kampus. Ia dilihat sebagai pengantara bagi membawa masalah-masalah pelajar untuk dibincangkan dengan pihak pentadbiran universiti, khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Baginya HEP bertanggungjawab untuk membina sahsiah dan kepimpinan para pelajar di samping memberi penekanan dalam aspek akademik, disiplin dan pembangunan sahsiah. Setakat ini, beliau berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak HEP. Beliau juga mengharapkan agar HEP akan meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik pada masa hadapan khususnya dalam menjaga kebajikan dan hal ehwal kemahasiswaan.

Menyentuh tentang penglibatan pelajar dalam kegiatan politik, beliau menolak sebarang label yang diberikan kepada mahasiswa seperti terlibat dalam parti politik negara. Baginya mahasiswa mempunyai karisma dan intelektual tersendiri serta berketrampilan untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) juga bukanlah menjadi penghalang kepada mahasiswa untuk meluahkan pandangan dan pendapat yang boleh membina, memberi perubahan dan boleh membantu pihak kerajaan. Cuma, mereka hendaklah menggunakan saluran yang sah iaitu melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar khasnya dan pengurusan universiti amnya. Anasiranis yang melabelkan mahasiswa sebagai pembangkang utama kerajaan adalah tidak benar kerana keakraban dilihat dengan jelas melalui pertemuan pemimpin bersama mahasiswa yang mana ia membuktikan mereka mampu menghormati dan merealisasikan dasar kerajaan.

Saranan beliau kepada pelajar agar memberi tumpuan terhadap pembelajaran di samping melibatkan diri dengan program yang dianjurkan oleh pihak universiti. Baginya semua program yang dianjurkan oleh pihak universiti merupakan proses kemahiran secara praktikal selain hanya penumpuan dalam bidang akademik. Ia juga merupakan satu latihan kemahiran sosial terhadap kareh masyarakat yang pelbagai apabila tamat pengajian kelak. Untuk itu, pelajar juga perlu sentiasa berketrampilan, berpandangan jauh serta perlu mengikuti perkembangan semasa. Beliau percaya aktiviti ko-kurikulum jika diaturkan dengan baik tidak akan mengganggu pelajaran. Akhir sekali beliau menyarankan agar pelajar menjadikan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum sebagai peluang untuk mempertingkatkan kemahiran diri dan membina pengalaman berpersatuan selain tumpuan dalam bidang akademik.

MPPKUIM Anjur Misi Kemanusiaan Ke Kemboja (HUMCAM 2004)

Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Univesiti Islam Malaysia (MPPKUIM) telah mengadakan satu program Misi Keamanan Ke Kemboja atau *Humanitarian Mission To Cambodia* (HUMCAM 2004) pada 24 hingga 30 Mac 2004 bertempat di Kg. Keh, Kampot, Kemboja. Misi ini dianjurkan dengan kerjasama MPPKUIM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM dan Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia & The Pacific (RISEAP). Seramai 30 orang pelajar dan 4 orang pegawai pengiring telah menyertai misi tersebut. Delegasi ini telah diketuai oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohamed Asin bin Dollah, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan KUIM.



Majlis perasmian disempurnakan oleh YB. Tuan Haji Zakarya Adam, Timbalan Setiausaha Kementerian Agama & Warisan Kerajaan Kemboja.

Misi ini memberi fokus kepada empat perkara iaitu memberi bantuan makanan dan pakaian, gotong-royong menaiktaraf kemudahan kampung, memberi bantuan keperluan pembelajaran dan mengadakan kenduri serta jamuan makan kepada penduduk kampung. Antara objektif misi yang bertemakan "Mahasiswa Prihatin, Masyarakat Sejahtera" ini ialah memberi bantuan kepada masyarakat Kemboja yang memerlukan di samping mewujudkan hubungan silaturrahim antara mahasiswa Universiti KUIM dengan penduduk kawasan sasaran di Kemboja. Selain itu, melalui misi ini, mahasiswa/i cuba menyelami keperitan dan kepayahan yang dialami oleh penduduk Kemboja dalam pelbagai aspek terutama dalam menghadapi rutin harian dalam keadaan kemudahan yang serba kekurangan.

Ketibaan kami di kampung tersebut telah disambut dengan begitu meriah sekali oleh para penduduk kampung. Ia sebenarnya di luar jangkaan sama sekali. Ternyata mereka amat menghargai kehadiran kami sebagai tetamu dan rakyat Malaysia, antara negara jiran yang terhampir. Apa yang menyeronokkan mereka begitu ghairah menerima pelbagai barangan sumbangan yang kami bawa seperti pakaian, buku dan alat-alat tulis untuk semua golongan masyarakat di situ. Perasaan terharu dan gembira menusuk di hati sanubari kami melihat keseronokan mereka. Walaupun cuaca panas mencecah suhu 40° celsius dan dijangka mengalami kemarau pada bulan April ini, kami tetap bersyukur dan berasa gembira kerana selamat sampai di sini untuk menjalankan misi ini.

Sepanjang seminggu berada di sana, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti ziarah ke rumah penduduk-penduduk kampung, gotong-royong membina bilik air dan tandas sekolah, bantuan kesihatan, sesi pemberian sumbangan derma kepada penduduk-penduduk kampung, perjumpaan dengan pelajar-pelajar Islam Kemboja di pejabat Mufti, lawatan ke Kedutaan dan dialog ringkas, lawatan ke Rumah Malaysia berhampiran kedutaan dan kami juga telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik di kawasan tersebut. Selain itu, kami juga telah mengunjungi kilang pakaian, surau dan sungai Mekong. Sungai Mekong digunakan sebagai sektor pengangkutan bagi keperluan makanan. Kami juga mengambil peluang bergambar bersama kanak-kanak di situ. Kami juga melawat ke Madrasah An-Nikmah Islamiah As-Sanawiyah. Pelajar yang menuntut adalah berumur di antara 16 hingga 18 tahun. Sekolah ini adalah di bawah pengurusan Pejabat Mufti dan pertama kalinya menggunakan sistem Pendidikan Tinggi Agama.

Pelbagai pengalaman yang telah kami timba. Kami berusaha menyelami dan memahami perasaan dan permasalahan masyarakat ini walaupun terdapat kesulitan untuk berkomunikasi. Misi-misi yang dirancang akhirnya berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Dari segi pemerhatian yang dibuat, masyarakat di sini amatlah menghargai apa yang mereka miliki oleh kerana kedhaifan yang dialami. Dari segi pendidikan pula, bagi keluarga yang agak berkemampuan, anak-anak dihantar ke sekolah rendah dan menengah agama yang terdapat di kampung tersebut, namun segalanya serba kekurangan. Kedhaifan, kemiskinan dan kesusahan hidup masyarakat di sana benar-benar membuka mata kami untuk menjadi insan yang lebih bersyukur dan ingin berusaha untuk menjadi individu yang cemerlang dalam akademik dan pembentukan sahsiah.

Secara keseluruhan, program ini telah dapat dijalankan dengan jayanya hasil daripada kerjasama semua pihak sama ada para pelajar, universiti mahupun RISEAP sendiri. Segala pengalaman yang ditimba semasa berada di Kemboja haruslah dijadikan iktibar dan pedoman bagi kita masyarakat Malaysia khususnya dengan mensyukuri setiap anugerah dan nikmat kurniaan-Nya kepada kita, di samping berusaha dengan lebih gigih dalam membangunkan Malaysia di masa akan datang. Di samping itu, ia juga turut memberi peluang kepada peserta program mempelajari budaya dan bahasa masyarakat Kemboja di samping merealisasikan hasrat MPP dalam memperbanyakkan program-program pengantarabangsaaan di luar negara.

Penyerahan cenderamata kepada wakil kedutaan Malaysia di Kemboja, En. Salahudin Yusof.

>>>





G7

G8

G7 - Majlis Dialog pelajar Kemboja
 G8 - Majlis Simbolik Penyerahan
 G9 - Penyembelihan & Aqiqah



G9



G2



G3

G1 - Kenderaan rasmi penduduk
 G2 - Gotong-royong mencabut Kacang Tanah
 G3 - Gotong-royong mencabut Kacang Tanah
 G4 - Di hadapan Masjid Nurul Iman KM9 Phnom Penh
 G5 - Tandas yang dibina oleh pelajar-pelajar KUIIM dengan kerjasama penduduk kampung.



G4

Galeri HEP

G6 - Bersama pelajar Islam Kemboja



G6



G5



Sekitar Malam Perdana Siswa
Anjuran JAKSA RIVIERA 2

Barisan Felo Penghuni yang hadir
ke majlis makan malam anjuran
JAKSA Asrama Sri Penara



AJK Malam Perdana Siswa
Asrama RIVIERA 2



Para peserta mencuba permainan
"Tower of Hanoi", antara aktiviti menarik
yang disediakan ketika pameran.

PAMERAN PEMBIMBING RAKAN UNIVERSITI (PRU)

Persembahan nyanyian daripada TR HEP
bersama TR HEP KUSTEM



Persembahan Caklempong
Sek. Ren. King George Ke - V
Ampangan Negeri Sembilan



Para pelajar mengunjungi pameran
buku yang juga disediakan ketika pameran PRU

UNIT KAUNSELING & PEMBANGUNAN SAHSIAH

MINGGU KERJAYA KAMPUNG BONGEK

Jawatankuasa Sirih Pulang Ke Gagang dan Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung Bongek, Rembau telah berbesar hati mengundang Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) untuk menganjurkan program Minggu Kerjaya. Ia telah diadakan pada 26 hingga 28 Disember 2003 yang lalu di Sekolah Kebangsaan Kampung Bongek. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB. Dato' Norhayati Binti Omar, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sosial Negeri Sembilan bagi pihak YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada Pembimbing Rakan Universiti, MPP dan Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA) telah mengikuti program tersebut. Mereka telah dibahagi-bahagikan mengikut keluarga angkat masing-masing. Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan KUIM.



Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias berucap ketika merasmikan program tersebut.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang tiga hari program tersebut iaitu ceramah-ceramah kerjaya untuk para belia, pameran kerjaya, program motivasi untuk pelajar-pelajar sekolah menengah, pertandingan mewarna untuk pelajar-pelajar sekolah rendah, ujian kecerdasan minda, ceramah agama dan sukaneka. Pelbagai pihak telah diundang bagi mengendalikan ceramah kerjaya. Antaranya ialah Yang Arif Dato' Azmer Maamor, Hakim Mahkamah Tinggi, Dato' Baharom Salleh, Ketua Eksekutif TM Net, Tuan Haji Bahrin Salleh, Ketua Eksekutif Trinergy Sdn. Bhd. dan Encik Aziz Singah, artis dan ahli politik. Mereka juga merupakan anak watan Kampung Bongek yang telah berjaya dalam kerjaya masing-masing. Manakala, ceramah agama pula telah diadakan di Masjid Kampung Bongek dan telah dikendalikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Abdullah bin Muhammad Zin, Timbalan Rektor Akademik & Penyelidikan KUIM.

Sementara itu, beberapa organisasi telah terlibat dalam pameran kerjaya. Ia termasuklah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), BOMBA, kartunis Ubi dan KUIM sendiri. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat kampung tanpa mengira umur. Majlis Perasmian Peutup pula telah diadakan pada 28 Disember 2003, jam 3 petang dan telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Mohamad bin Hasan, Ketua Penaja UMNO Bahagian Rembau. Apa yang dapat diperhatikan, program seperti Minggu Kerjaya ini merupakan satu usaha murni yang patut diteruskan di masa-masa akan datang. Ia banyak memberi pendedahan dan manfaat kepada kelompok sasaran mengenai dunia kerjaya masa kini. Selain itu, ia juga memberi motivasi dan semangat terutama kepada golongan pelajar tempatan untuk terus berusaha mempertingkatkan mutu akademik ke tahap cemerlang bagi menempatkan diri di institusi pengajian tinggi dan seterusnya mendapat perkerjaan setanding dengan latar akademik yang membanggakan.

TABUNG EHSAN KUIM

Dua orang pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menerima bantuan kewangan Tabung Ehsan KUIM pada bulan Mac 2004 yang lalu. Pelajar tersebut, Yahya Yusof, tahun tiga, dari Fakulti Syariah dan Undang-undang telah menerima bantuan sebanyak RM1250. Manakala, Rohaini Mohd Basri, juga dari fakulti yang sama telah menerima bantuan sebanyak RM1000 berdasarkan kelayakan dan kriteria permasalahan yang dikemukakan melalui borang permohonan kepada pihak Jawatankuasa Tabung Ehsan.

Pada bulan Oktober 2003 yang lalu, pihak KUIM telah menerima bantuan sebanyak RM150,000 daripada Bank Islam Malaysia Berhad sebagai sumbangan ehsan (zakat). Justeru itu, untuk melaksanakan penggunaan bantuan wang tersebut, pihak Pengurusan Universiti telah menubuhkan Tabung Ehsan KUIM dengan tujuan untuk membantu para pelajar yang kurang berkemampuan bagi membayar yuran mereka.

Sumbangan minima yang diberi ialah sebanyak RM1000 untuk setiap pelajar yang memohon bergantung kepada kelayakan dan kes yang dikemukakan kepada pihak universiti. Pemberian tabung ini adalah merupakan one-off dan pelajar juga tidak perlu membayar semula wang tersebut memandangkan ia merupakan bantuan berbentuk sumbangan ehsan dan bukannya pinjaman.

Bagi merealisasikan urusan permohonan tabung ini, Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsia, Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM telah diberi tanggungjawab untuk mear-warkan tentang kewujudan tabung, syarat-syarat kelayakan memohon serta mekanisme permohonan melalui poster dan brosur. Pelajar juga diingatkan bahawa setiap permohonan hendaklah melalui Unit ini sebelum dibawa ke pihak Jawatankuasa Tabung Ehsan untuk dipertimbangkan.

PROGRAM MOTIVASI PEMBINAAN PASUKAN URUSETIA MAHRAJAN KERJAYA 2004


Program Motivasi ini diadakan bertujuan untuk menyuntik semangat berpasukan di kalangan urusetia terutama dalam menjalankan tugas dalam pengurusan program Mahrajan Kerjaya yang diadakan pada 14 hingga 16 Januari 2004. Selain itu, ia juga membantu meningkatkan motivasi, membina minda dan ketahanan diri para urusetia dalam mengharungi peranan yang dipikul sebelum dan semasa program berlangsung. Ia juga memberi satu cabaran kepada mereka untuk menguruskan masa antara perkuliahan dan tanggungjawab sebagai urusetia program.

Program Motivasi kali ini telah diadakan di Kem Rebutia, Gombak pada 13 hingga 14 Disember 2003. Seramai 50 orang Urusetia Mahrajan Kerjaya telah mengikuti program tersebut. Program ini telah diiringi oleh dua orang kaunselor KUIIM, Puan Nurhazreen Mohd Nor dan Puan Masni Md Hasim yang juga bertindak sebagai penceramah motivasi. Kursus kali ini menggunakan konsep "survival" di mana para urusetia berkhemah dan masak sendiri mengikut kumpulan yang telah diberi. Ini lebih mendatangkan kesan dan meningkatkan kerjasama dan kejelekitan sesama ahli dalam kumpulan. Aspek ini penting kerana tanpa adanya kejelekitan dan kerjasama, agak sukar untuk mereka menjalankan tugas yang mencabar dalam menguruskan pelbagai biro dalam Mahrajan Kerjaya kelak. Selain itu, bagi menguji tahap perpaduan dan kerjasama ahli dalam kumpulan, pelbagai permainan menguji minda telah diadakan dan dikendalikan oleh kaunselor pada sebelah malam. Secara keseluruhannya, para Urusetia Mahrajan Kerjaya kali ini berjaya menunjukkan tahap yang tinggi dalam menyelesaikan segala cabaran tersebut.

Pada hari terakhir, urusetia Mahrajan Kerjaya telah diuji sekali lagi melalui sesi kembara yang memakan masa selama tiga jam. Mereka terpaksa melalui 4 'checkpoint' di mana di setiap 'checkpoint' tersebut, mereka dikehendaki melakukan beberapa aktiviti kumpulan yang memerlukan kerjasama dan kebijaksanaan yang tinggi daripada setiap ahli kumpulan. Walaupun terdapat ahli yang cedera dan kelihatan begitu letih, namun mereka tetap mencuba sedaya upaya untuk menahuti cabaran tersebut.

Di akhir program ini, para urusetia dikehendaki membuat persembahan kumpulan berdasarkan tugas biro-biro yang mereka pikul. Tujuannya adalah untuk melihat kekuatan dan kelemahan biro-biro tersebut bagi merancang penambahbaikan dalam memastikan peranan setiap ahli biro ditunaikan secara efisien.

Secara keseluruhannya, Program Motivasi Pembinaan Pasukan Urusetia Mahrajan Kerjaya pada kali ini adalah lebih mencabar berbanding pada tahun lepas. Dengan paduan konsep *survival* dan kerjasama kumpulan, setiap aktiviti telah dirancang dengan lebih teliti bagi memastikan matlamat program tercapai dan para urusetia dapat mengaplikasikan semangat motivasi dan kerjasama sesama ahli dalam setiap gerak kerja biro masing-masing bagi menentukan kejayaan program Mahrajan Kerjaya 2004.



bergambar bersama Kaunselor,
Pn. Nurhazreen Mohd Nor dan
Pn. Masni Md Hasni
(berdiri 5 dan 7 dari kiri)

Program Motivasi Pembinaan Pasukan telah menjadi aktiviti tahunan bagi urusetia Mahrajan Kerjaya sebelum program tersebut berlangsung.

KLINIK KAUNSELING

Unit Kaunseling Dan Pembangunan Sahsia telah mengadakan Klinik Kaunseling untuk kakitangan dan para pelajarnya bagi menguji tahap pembangunan diri, personaliti dan minda mereka. Setakat ini, Unit ini telah mengadakan Klinik Kaunseling untuk Ujian Minat Kerjaya pada bulan November 2003 dan Ujian Untuk Mengetahui Jenis Personaliti: A, B atau AB pada bulan Februari 2004 yang lalu. Melalui Klinik Kaunseling ini, para kakitangan dan pelajar berpeluang menjawab soalan yang disediakan dan mendapatkan skor yang diperolehi daripada jawapan yang diberi. Mereka kemudian akan diberi interpretasi dan penjelasan lanjut oleh kaunselor bergantung kepada skor yang diperolehi dalam ujian-ujian tersebut.

Klinik kaunseling ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan dan pelajar. Kebanyakan mereka berpuas hati dengan inisiatif Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsia mengadakan ujian-ujian tersebut untuk membolehkan mereka mengetahui tahap pencapaian diri dan cara-cara untuk mengatasi kelemahan diri. Di samping itu, mereka juga berpeluang melalui sesi kaunseling bersama kaunselor bergantung kepada tahap permasalahan yang timbul hasil daripada ujian tersebut.

Melihat kepada perkembangan penerimaan terhadap Klinik Kaunseling ini, Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsia telah merangka lebih banyak lagi ujian-ujian untuk menilai diri individu dalam pelbagai aspek. Ia meliputi ujian *Intelligent Quotion (IQ)*, *Emosional Quotion (EQ)*, Ujian Personaliti, Ujian Pengurusan Tekanan, Ujian Kesihatan dan sebagainya. Ia akan diadakan secara berkala pada setiap semester.

UNIT PENGURUSAN & ASRAMA

OPERASI KHIDMAT MASYARAKAT (OPKIM) 2003

Mahasiswa/i Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menunjukkan keprihatinan dengan mengadakan program Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) 2003 anjuran Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama Sri Penara dan Pasukan Student in Free Enterprising (SIFE) Kolej Universiti Islam Malaysia. Ia telah diadakan di Felda Lubok Merbau, Pendang, Kedah pada 16 hingga 22 Oktober 2003. Program ini telah diadakan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pertubuhan Peneroka Lubok Merbau. Seramai 75 orang mahasiswa KUIM dan 23 orang mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) telah bersama-sama menjayakan program ini. "Mahasiswa Dinamik Penggerak Masyarakat Progresif" adalah tema bagi program OPKIM ini bagi memberi kesedaran, pengalaman serta latihan kepada mahasiswa/i universiti terhadap kepentingan berkhidmat dalam masyarakat.

Program ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM merangkap penaung OPKIM. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program tersebut ialah Kursus Motivasi Pelajar, Ceramah Kerjaya, Pameran Dan Pemeriksaan Kesihatan, Sukaneka dan Khidmat Bakti dan Mahasiswa Turun Ke Ladang. Selain itu, satu Forum Hal Ehwal Islam juga telah diadakan bersempena dengan bulan Ramadhan yang akan tiba di mana ia membincangkan tajuk "Ramadhan Merentasi Zaman Dalam Pembangunan Insan". Seramai 3 orang ahli panel telah diundang bagi mengupas tajuk tersebut iaitu YB. Tuan Haji Fadhil Hanafi, Exco Keagamaan Negeri Kedah, Ustaz Mohd Isa Hj. Abdul Rahman dari Jabatan Mufti Kedah dan Puan Rosnaini Hamid, pensyarah UUM.

Sementara itu, pasukan Student in Free Enterprising (SIFE) Kolej Universiti Islam Malaysia telah mengadakan program Sehari Bersama Permodalan Nasional Berhad untuk memberi ceramah berkaitan menabung dan kepentingannya kepada masyarakat. Sejalan dengan itu, kaunter berkaitan telah dibuka oleh pegawai dari PNB bagi masyarakat kampung yang berminat untuk memulakan tabungan mereka. Pada malam terakhir pula, masyarakat kampung telah dipersembahkan dengan Malam Kebudayaan yang menampilkan bakat-bakat pelbagai lapisan golongan yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, belia, Gerakan Persatuan Wanita dan mahasiswa/I dari UUM dan KUIM sendiri.

Program OPKIM anjuran JAKSA Asrama Sri Penara ini merupakan program sulung selepas mereka dilantik sebagai Exco baru asrama sesi 2003/2004. Berbekalkan semangat dan komitmen yang tinggi serta kesungguhan yang jitu di kalangan ahli jawatankuasa dan peserta, program ini dapat diadakan dengan jayanya di Felda Lubok Merbau, Pendang, Kedah. Ia merupakan batu loncatan kepada mahasiswa/i untuk mendekati diri kepada masyarakat dan menerapkan budaya berilmu dalam membimbing masyarakat kampung melalui pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang OPKIM tersebut. Selain itu, inisiatif untuk mengadakan program secara kerjasama dengan mahasiswa UUM merupakan satu pendekatan yang baik kerana ia memberi pendedahan dan pengalaman baru mengenai selok belok pengendalian program yang berbentuk perdana kepada mahasiswa/i khususnya mahasiswa/i KUIM.

PROGRAM DISKUSI ILMIAH "KEPIMPINAN MAHASISWA APA RELEVANNYA?"



Saudara Nisar, YDP MPPKUIM, bersama ahli panel forum yang lain ketika mengupas topik hangat yang berjaya menarik ratusan peserta.

Pada 17 Januari 2004 yang lalu, Biro Pembangunan Akademik dengan kerjasama Biro Latihan dan Kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I Asrama (JAKSA) Asrama Riviera 3 sesi 2002/2003 telah menganjurkan program diskusi ilmiah yang bertajuk 'Kepimpinan Mahasiswa/i, Apa Relevannya?'. Diskusi ilmiah yang bertemakan "*Pemimpin Berilmu, Generasi Cemerlang*" telah mengundang 3 orang ahli panel yang terdiri daripada pelbagai bidang dan latarbelakang iaitu Encik Ahmad Fadzli Yusof, Peguambela dan Penguamcara daripada Fadzli & Co. (Mantan YDP MPP UIA), Encik Mushaddad Hasbullah, Pesyarah daripada Fakulti Syariah dan Undang-undang KUIM (Mantan Pemimpin Pelajar Malaysia di Universiti Madinah) dan Saudara Nisar Mohamad Ahmad, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIM. Moderator bagi program diskusi ialah Saudara Lukmanul Hakim Hj. Hanafi daripada Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengetua Asrama Riviera 3, Ustaz Mohd. Radhi Ibrahim. Ia mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada mahasiswa/i KUIM. Program ini telah berjaya mengupas peranan pemimpin di kalangan mahasiswa/i dan bagaimana mereka dapat memberi keseimbangan di antara tumpuan dalam bidang akademik serta kegiatan ko-kurikulum. Kesimpulan yang dapat dipetik daripada diskusi ini, seseorang mahasiswa perlu bijak memimpin dirinya dalam membahagikan masa di antara kedua-dua perkara tersebut tanpa ada keciciran dalam salah satu aspek. Ciri-ciri kepimpinan ini haruslah dipupuk dari sekarang sebelum mereka memasuki alam kerjaya yang memerlukan komitmen yang tinggi dalam memimpin sesebuah organisasi dan tugas yang diberi.

MAJLIS GRAND DINNER D'PENARA

Meriah Dengan Konsep "Malam Tradisional"

Ahli Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I Asrama Sri Penara (JAKSA) telah mengadakan Majlis Grand Dinner D'Penara pada 25 Januari 2004 di Kelab Tasik Putra Jaya. Ia merupakan aktiviti tahunan bagi penghuni asrama Kolej Universiti Islam Malaysia. Secara tidak langsung ianya melibatkan semua penghuni Asrama Sri Penara seramai 271 orang. Pemilihan Kelab Tasik Putra Jaya adalah bersesuaian dengan tema yang menjadi konsep latar malam tersebut iaitu "MALAM Majlis bertambah meriah dengan kehadiran Mohammad bin Haji Alias, Timbalan Rektor Pelajar Dan Pembangunan KUIM selaku pada malam tersebut bagi pihak Y. Bhg. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tasik, pengetua asrama dan felo-felo asrama



Pelajar-pelajar mempersembahkan dikir barat pada malam tersebut

majlis pada "TRADISIONAL". Y. Bhg. Prof. Dr. Hal Ehwal perasmii majlis Dato' Rektor. KUIM, Pengetua pengetua - KUIM.

Majlis makan malam itu telah dimulakan dengan pemotongan pulut kuning oleh perasmii yang ditaja khas oleh Kelab Tasik Putra Jaya sebagai simbolik upacara perasmian Grand Dinner D'Penara. Pada majlis tersebut, para tetamu telah dihidangkan dengan persembahan dikir barat dan persembahan silat yang dikelolakan oleh pelajar sendiri sebagai salah satu acara yang menarik pada malam tersebut. Bagi acara kemuncak, penganugerahan khas telah diberikan kepada mahasiswa-mahasiswi Asrama Sri Penara, antaranya Anugerah Tokoh Kepimpinan, Anugerah Khidmat Terpuji, Anugerah Bestari dan Anugerah Program Terbaik. Pemilihan ini dibuat berdasarkan undian dan bancian yang dibuat oleh penghuni Asrama Sri Penara sendiri. Manakala, Anugerah Khas Pengetua dipilih oleh pengetua asrama sendiri. Anugerah Unit Terbersih, Anugerah Ladies Of The Night Anugerah Men Of The Night dan cabutan nombor bertuah turut diadakan sebagai acara sampingan majlis tersebut. Pemilihan anugerah-anugerah tersebut dibuat oleh felo-felo asrama berdasarkan penampilan yang menarik bersesuaian dengan tema ceria dan sopan.

Secara keseluruhannya, Majlis Grand Dinner D'Penara ini dapat mengeratkan tali silaturrahim di antara mahasiswa dan semua kakitangan Kolej Universiti Islam Malaysia yang hadir. Di samping itu, kelancaran dan kejayaan majlis tersebut telah memberi satu kepuasan dan kenangan yang amat bernilai terutama kepada pihak JAKSA sebagai urusetia utama majlis yang penuh meriah itu.

MAJLIS MALAM PERDANA SISWI ASRAMA RIVIERA 3

Pada 11 Januari 2004 yang lalu, Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA) Asrama Riviera 3 Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah mengadakan Malam Perdana Siswi yang merupakan program tahunan asrama bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah. Majlis yang dihadiri oleh 612 orang penghuni Asrama Riviera 3 dan 40 orang jemputan khas bermula pada jam 8.00 malam dan berakhir pada 11.30 malam. Perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, Timbalan Rektor (HEP dan Pembangunan).

Tema program pada malam tersebut 'Keunggulan Puteri Pemangkin Masyarakat Madani' dipilih untuk menghuraikan peranan siswi mendepani era globalisasi dengan kemantapan bidang akademik seiring dengan penglibatan secara seimbang dengan aktiviti pembangunan pelajar. Pelbagai anugerah telah diberi kepada para pelajar yang telah menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang dan komitmen yang bersungguh terhadap program-program yang dianjurkan oleh pihak JAKSA. Di samping itu, bagi mempamerkan keprihatinan mahasiswi dengan masyarakat luar, seramai 11 orang tetamu jemputan khas telah diundang untuk memeriahkan lagi majlis ini. Mereka terdiri daripada saudara-saudara baru daripada PERKIM, wakil Balai Polis Pandan Indah dan Pegawai Khas Pejabat Menteri Besar Selangor, Puan Nora Azmin. Majlis mendapat sumbangan buku daripada Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perpustakaan KUIM, Unit Penerbitan Fakulti dan 5 buah hamper daripada orang perseorangan.

UNIT SUKAN & REKREASI

KURSUS CALON PENGADIL BOLA TAMPAR NEGERI

Unit Sukan dan Rekreasi dengan kerjasama Persatuan Bola Tampar Negeri Selangor telah menganjurkan Kursus Calon Pengadil Bola Tampar Negeri pada 22-25 Mac 2004 yang lalu. Kursus kepegawaian selama 4 hari ini telah diadakan bertempat di Asrama Riviera 3. Seramai 2 orang pengadil bertauliah bertaraf antarabangsa telah dipertanggungjawabkan oleh Persatuan ini sebagai tenaga pengajar bagi membimbing para peserta sepanjang kursus ini.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan di dalam bidang kepegawaian sukan khasnya kepengadilan untuk sukan bola tampar. Sejumlah 31 orang telah menghadiri kursus ini yang mana 19 orang adalah terdiri daripada peserta lelaki dan 12 orang peserta wanita yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan KUIM.

Sepanjang tempoh 4 hari kursus, para peserta telah didedahkan dengan peraturan permainan bola tampar, isyarat tangan rasmi pengadil dan cara-cara melakukan catatan pada borang pemarkahan. Para peserta juga telah menjalani sesi praktikal sebagai pengadil yang diakui agak sukar. Pada akhir kursus ini, satu ujian telah diadakan bagi menentukan sama ada para peserta lulus ataupun tidak sebagai seorang calon pengadil bola tampar. Ini kerana sijil yang dikeluarkan oleh Persatuan Bola Tampar Selangor ini sah laku di seluruh negara dan peserta yang lulus adalah layak untuk mengadili mana-mana perlawanan bola tampar.

Secara keseluruhannya, kursus ini dilihat sebagai satu usaha murni pihak Unit Sukan dan Rekreasi untuk melahirkan lebih ramai pengadil khususnya bagi sukan bola tampar. Selain itu, ia juga memberi pengalaman baru kepada para peserta sebagai pengadil selain daripada terlibat sebagai pemain dalam sukan tersebut.

KURSUS INDUKSI URUSETIA SUKAN DAN REKREASI

Unit Sukan Dan Rekreasi telah mengadakan Kursus Induksi Urusetia Sukan & Rekreasi pada 5 hingga 9 Januari 2004 bertempat di PDS Resort, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ia telah disertai seramai 30 orang pelajar, 17 pelajar lelaki dan 13 pelajar wanita yang terpilih sebagai Urusetia Sukan dan Rekreasi. Turut menyertai program ini ialah Pegawai Sukan, Encik Nur Ekmal Buhary dan Penolong Pegawai Sukan, Encik Sulaiman Hassan yang bertindak sebagai penyelar program. Selain itu, seorang pensyarah dari Unit Bahasa Inggeris, Encik Abdul Karim Abdullah dan pensyarah dari Unit Bahasa Arab, Ustaz Hishamuddin Ahmad juga dijemput bagi mengendalikan slot Bengkel Intensif bagi kedua-dua bahasa tersebut. Kursus Induksi ini telah meliputi pelbagai aktiviti antaranya ialah:

- 1) Bengkel Intensif Bahasa Inggeris
- 2) Bengkel Intensif Bahasa Arab
- 3) Kraf Perkhemahan
- 4) Berkayak
- 5) Membina rakit dan berakit
- 6) Kemahiran Peta & Kompas (Orienteering)
- 7) Asas Bantu Mula (First Aid)
- 8) Night Walk
- 9) Aktiviti Tali



Para peserta berakit secara berkumpulan

Semua program tersebut telah dirancang dengan teliti bertujuan untuk menanamkan sifat berani, keyakinan diri dan berdikari yang tinggi kepada Urusetia Sukan & Rekreasi tanpa membelakangkan semangat berpasukan yang diakui dapat menjayakan segala aktiviti yang dirancang. Dari sudut ilmiah pula, mereka telah melalui kelas bimbingan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris khusus untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi yang dikendalikan oleh para pensyarah dari Unit Bahasa yang berkenaan. >>>

Melalui pendekatan baru ini, para peserta dapat menguasai dua aspek dalam menjalani kursus ini, iaitu fizikal dan mental. Pengalaman dan ilmu yang diperolehi adalah amat penting untuk diaplikasikan dalam segala urusan pengendalian program kelak.



Para peserta mengikuti intensif bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh pensyarah KUIM, En. Abdul Karim Abdullah

BIJAK BAHAGI MASA RESEPI KEJAYAAN TOKOH SUKAN KUIM 2003



Mardiana binti Kamil merupakan pelajar tahun 1 Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan berasal dari Perak. Berpendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jelapang dan berpendidikan menengah dari tingkatan 1 hingga 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Chulan, Ipoh. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke tingkatan 4 hingga 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian, Perak. Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) beliau menyambung pengajiannya ke Kolej Mara Kuala Nerang, di Kedah dan seterusnya mendapat pendidikan tinggi di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Baginya, sukan Taekwondo merupakan satu keperluan yang perlu ada untuk mempertahankan diri. Beliau mula menceburi bidang taekwondo sejak tingkatan 2 lagi di mana pernah memegang jawatan sebagai pengerusi kelab taekwondo ketika itu. Menurut Mardiana, penglibatan beliau dalam bidang taekwondo ini sedikit pun tidak pernah mengganggu pembelajaran beliau. Malah ia menyebabkan beliau lebih bijak membahagikan masa. Contohnya, masa yang terluang pada hari-hari yang tiada latihan akan di gunakan untuk mengulangkaji pelajaran.

Ibu bapanya juga banyak memberi sokongan dan galakan sejak beliau menuntut di tingkatan dua lagi. Beliau sendiri tidak menyangka akan mendapat anugerah sebagai Tokoh Sukan KUIM. Berbekalkan minat dan usaha berterusan serta dorongan daripada Unit Sukan Dan Rekreasi, beliau berjaya meraih Anugerah Tokoh Sukan KUIM 2003.



Pelbagai pertandingan dan kejohanan taekwondo telah diceburi sehingga mampu meletakkannya ke tahap sekarang. Antaranya ialah:

1. Kejohanan Taekwondo Remaja Perak 1998 (memenangi pingat gangsa)
2. Kejohanan Taekwondo Tertutup Peringkat Negeri Kedah (tahun 2002)
3. Kejohanan Taekwondo Kebangsaan MTA Milo Magnum (memenangi pingat perak)
4. Kejohanan Taekwondo IPT di USM dalam tahun 2003 (memenangi pingat emas)
5. Kejohanan Taekwondo IPT di UKM dalam tahun 2003 (memenangi pingat gangsa)

Beliau mendapat bimbingan dan latihan daripada jurulatih luar. Latihan diadakan hampir setiap hari termasuk hujung minggu dan diadakan di kolej kediamannya iaitu di Asrama Riveira 2 dan di Sekolah Menengah Pandan Indah.

Apa yang beliau harapkan pihak universiti dapat menyediakan prasarana dan kemudahan yang lengkap untuk kegunaan para pelajar bersukan apabila telah berpindah di kampus tetap nanti. Secara tidak langsung, ia akan memberi dorongan dan motivasi untuk para pelajar mengadakan aktiviti sukan di samping mengurangkan tekanan seharian berada di dewan kuliah.

Akhirnya, beliau menyarankan kepada para pelajar yang minat bersukan agar bijak membahagikan masa di antara akademik dan aktiviti sukan. Baginya, kedua-kedua bidang ini perlulah di pandu dengan seimbang untuk mengelakkan keciciran dalam mana-mana aspek.

Mardiana bergambar bersama atlit-atlit taekwondo dari UKM

Mengenali Warga Baru HEP

PERITNYA PEPERANGAN INDAHNYA KEDAMAIAAN

Wahai anak-anak bangsaku...
Usah sekali kau alpa, suatu ketika dulu
Peritnya peperangan, seribu kepayahan
Sejuta kesengsaraan, mengundang penderitaan

Tangisan si kecil menjadi lagu nan pilu
Pekikan si ibu menjadi irama nan ngilu
Laungan semangat si bapa ditelan peluru
Bermandian darah, sehingga kita menjadi buntu
Pada siapa hendak mengadu
Nasib kita menjadi coretan nan syahdu
Menghitamkan lagi nostalgia negara yang lalu

Tahukah engkau...
Betapa maungnya pejuang bangsa
Mempertahankan maruah negara
Betapa sukarnya wira negara
Berputih tulang namun tidak di mata

Kini...
Kita bebas dari belenggu penjajahan
Bebas dari ancaman kehancuan
Berkat semangatjuangan dan jilid
Berkat keyakinan dan bersatu padu
Kita laungkan ke seluruh dunia
Malaysia telah memekakan
Malaysia telah memekakan

Wahai anak-anak bangsaku
Kini tiada lagi hujan peluru
Tiada lagi musuh di dunia
Keganasan serta kesengsaraan dan kemelaratan
Telah terkubur di telan waktu

Dengarlah anak-anak bangsaku
Usah sesekali kau sia-siakan
Indahnya kedamaian mencorak ketenangan

Namun...
Perjuangan kita tak pernah kan sudah
Dendam kita tak pernah kan punah
Menjadikan negara gemilang di dunia
Bukan lagi dengan peluru
Tetapi dengan minda dan ilmu

Sedarlah...
Perjuangan ini tak pernah kanselesai
Selagi hayat dikandung badan
Kuatkan azammu, cekalkan semangatmu
Menyemai benih kecintaan terhadap negaramu
Biarkan berkekalan tiada berpenghujung
Menyambung warisan wira terdahulu
Gagah gemilang di alaf baru

GHAFAR RABU
HEPKUIM



Agama di Ranau, Sabah.

Berasal dari Daerah Tenom, Sabah, Marwan Bin Tahir dilahirkan pada 3 April 1960 di daerah yang sama. Mendapat pendidikan awal di Sek. Ren. Keb. Jawa Sumbiling dan pendidikan menengah di Sek. Men. Keb.

Beliau yang pernah bekerja sebagai kerani di syarikat Great Eastern Insurans, banquet di Hotel Oriental dan juga pernah berniaga pada tahun 2003 kini menjawat jawatan sebagai Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (N41) didalam bidang pentadbiran dan tatatertib. Mempunyai harapan dan matlamat agar dapat memastikan pentadbiran HEP akan lebih teratur dan tatatertib pelajar dalam keadaan yang terkawal dan juga menambah baikkan HEP supaya dapat menjadi contoh kepada jabatan yang lain.

Dilahirkan pada 22 Ogos 1980 di Muar, Johor Darul Takzim, Faizul Ridzal Bin A. Rahim kini mejawat jawatan sebagai Pembantu Belia dan Sukan.



Menimba ilmu hingga memperoleh Diploma Perakaunan di UiTM, Melaka. Beliau pernah menimba pengalaman bekerja sebagai pemain hoki semi-profesional untuk pasukan hoki remaja kebangsaan pada tahun 1997 hingga 2001, guru sandaran sekolah rendah di Muar pada tahun 2003 dan pembantu belia dan sukan dari tahun 2003 hingga kini.

Pandangan dan pengalaman awal bekerja di BHEP KUIM merupakan satu pengalaman yang menyeronokkan buat beliau apabila menempuh alam pekerjaan sebenar bersama kakitangan yang lebih senior dan telah memberi bantuan yang cukup berharga yang tidak pernah diperolehi daripada orang lain.